

28 NOV 1999

Pilihan raya-Komen

PEMIMPIN PARTI OPTIMISTIK DENGAN PROSPEK KEMENANGAN

KUALA LUMPUR, 28 Nov (Bernama) -- Hanya 12 jam sebelum rakyat Malaysia mengundi pada pilihan raya umum ke-10 esok, berikut ialah bagaimana para pemimpin parti-parti yang bertanding menyatakan peluang mereka.

Semasa bercakap pada persidangan berita di Kubang Pasu dekat Alor Setar hari ini, Perdana Menteri dan pengerusi Barisan Nasional (BN) Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata:

"Kami boleh menang semua negeri dan di peringkat persekutuan, kami yakin kami boleh mendapat majoriti dua pertiga.

"Kami tidak bimbang dengan pilihan raya ini, kami boleh menang. Saya percaya pengundi akan mengundi BN kerana ia mempunyai rekod yang cemerlang," kata Dr Mahathir yang mempertahankan kerusi Parlimen Kubang Pasu.

Hari ini ialah hari terakhir berkempen yang secara rasminya berakhir pada tengah malam.

Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik:

"Saya berpendapat rakyat akan menyokong BN yang telah membuktikan di kalangan parti-parti komponen matang dan stabil serta ikhlas. MCA akan menang besar. Kami boleh mengekalkan apa yang kami menangi pada 1995."

Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu:

"Ini adalah masanya kita mengundi dengan amat teliti. Sebabnya ialah untuk kesinambungan pembangunan, kesenimbangan kemajuan negara, kesinambungan kestabilan dan yang lebih penting kesinambungan perpaduan negara, ini amat penting."

"Saya yakin rakyat akan memilih Barisan Nasional semula."

Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik:

"BN yakin akan mendapat keputusan yang lebih baik berbanding 1995 berdasarkan petunjuk yang diberikan rakyat.

"Gerakan juga yakin memenangi semua kerusi Parlimen dan kerusi negeri yang ditandinginya."

Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, yang juga presiden Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), parti komponen BN di Sarawak:

"Tidak pernah berlaku pilihan raya Parlimen yang lebih penting bagi Sarawak berbanding pilihan raya umum ke-10 esok. Ini merupakan pilihan raya bagi rakyat memutuskan sama ada mereka mahukan Dr Mahathir atau bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim walaupun Anwar tidak bertanding."

Presiden Parti Keadilan Nasional Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail:

"Alhamdulillah, saya nampak ada sokongan, saya minta rakyat beri kepercayaan kepada saya, bagaimanapun terpulanglah kepada pengundi yang bijaksana membuat keputusan.

"Soal undi simpati memanglah wujud untuk saya dan Anwar, tetapi ini bukan kerja 'one man show', ini adalah satu 'wake up call' untuk rakyat kerana kita sedang cakap soal rasuah, soal kerajaan yang baik, nepotisme dan kronisme.

"Siapalah saya, cuma 'under dog' sahaja kalau dibandingkan dengan Datuk Dr Ibrahim Saad, beliau seorang timbalan menteri," kata Dr Wan Azizah yang merebut kerusi Parlimen Permatang Pauh.

Presiden PAS Datuk Fadzil Noor:

"Saya yakin PAS dapat menawan Kedah, Perlis dan Terengganu di samping mengekalkan pemerintahan di Kelantan.

"Kami mempunyai peluang baik berbanding dengan pilihan raya terdahulu. Angin perubahan yang melanda Kedah turut dirasai di Perlis dan Terengganu.

Presiden PRM Dr Syed Husin Ali:

"Insyaallah dengan sokongan rakyat dan restu Allah PRM akan menang.

"Saya akan tunggu penghakiman dari rakyat pada 29 Nov ini. Berbanding lima tahun dahulu sokongan terhadap PRM sekarang lebih baik. Sokongan lebih baik itu datang dari semua kaum...Melayu dan bukan Melayu.

Setiausaha Agung DAP Lim Kit Siang:

"Saya benar-benar tidak tahu. Saya pernah katakan sebelum ini, sama ada kami boleh menang besar atau kami kalah besar. Saya tidak yakin saya boleh menang di Bukit Bendera and Kebun Bunga, ia satu pertandingan yang sukar.

"Kami DAP akan menerima keputusan jika saya kalah di Bukit Bendera dan Kebun Bunga. Saya akan terima keputusan itu walaupun jika DAP dihapuskan di Pulau Pinang dan Malaysia."

Presiden Parti Bersatu Sabah Datuk Joseph Pairin Kitingan: "Kami berharap rakyat di Sabah akan memberikan kami mandat penuh sementara mereka di Malaysia Barat melakukan yang serupa bagi pembangkang di sana.

"Kami menyerahkan kepada rakyat untuk membuat keputusan. Kami telah pergi ke merata tempat memberitahu rakyat akan pentingnya pilihan raya Parlimen atau suara kuat pembangkang mewakili rakyat Sabah."

Ketua Menteri Sabah yang juga pengerusi BN negeri dan ketua perhubungan Umno negeri Datuk Osu Sukam:

"Daripada maklumbalas yang diterima, BN boleh menang lebih daripada 16 kerusi. Lebih ramai Kadazandusun kini menyokong BN sementara kaum Cina puashati dengan prestasi BN.

"Umno sendiri boleh menang semua 11 kerusi yang diperuntukkan kepada kami dan berdasarkan senario ini dan hakikat bahawa kami mempunyai sokongan tradisi, BN Sabah mampu menang lebih banyak kerusi daripada yang kami ramalkan sebelum ini.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Tengku Razaleigh Hamzah:

"Kami di Kelantan yakin dapat membentuk kerajaan selepas keputusan pilihan raya ini diketahui.

"Saya lihat rakyat daripada semua golongan termasuk wanita inginkan perubahan di Kelantan dan mereka akan mengundi kerajaan Barisan Nasional.

"Saya minta rakyat semua untuk sama-sama bergerak kerana pintu kerajaan baru Kelantan sudah terbuka luas, untuk mereka melangkah masuk ke era baru demi masa depan rakyat Kelantan."

-- BERNAMA

TM RYN RON